

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Okttober 2000

HKN 207 - Fiksyen Dan Drama Melayu Dan Indonesia Moden

[Masa: 3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI SEBELAS [11] SOALAN
DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** [1] soalan daripada setiap bahagian. SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A:

1. "Abdullah Munsyi sering dianggap sebagai bapa kesusasteraan Malaysia dengan sikapnya yang kritikal dan karyanya yang mendekati laporan. Namun demikian sifat kritikan ini tidaklah selalu berimbang." Bincangkan pendapat ini dan sertakan bukti yang kukuh untuk menyokong hujah anda.
2. Kata seorang kritikawan, "Pengarang adalah penilai zaman dan masyarakatnya." Berdasarkan sekurang-kurang dua buah karya, berikan pendapat anda.
3. Bagaimanakah persoalan politik diberikan ruang dalam kesusasteraan Malaysia atau Indonesia? Gunakan karya-karya yang sesuai dalam perbincangan anda.

Bahagian B:

4. Seorang pengarang bukan saja membincangkan persoalan yang penting tetapi juga terlibat dalam usaha mencari cara yang terbaik untuk menangkap kenyataan manusia. Kenyataan ini pernah cuba ditangkap dalam "aliran kesedaran." Apakah pandangan anda? Huraikan pandangan ini dengan sokongan bukti yang sesuai.

5. Seorang kritikawan melihat sastera Malaysia sebagai lebih "kampungan" dalam maksud bahawa sastera Indonesia itu lebih kekotaan. Apakah pendapat anda?
6. Latar sesebuah novel atau drama memberi warna dan kenyataan kepada tema dan watak. Dengan disertakan contoh-contoh yang kukuh tunjukkan bagaimana latar sekurang-kurang sebuah novel telah membantu menjayakan seninya.
7. Mengikut Mohd Yusof Hassan, "Hidup ini penuh dengan konflik yang dicetuskan oleh perbezaan-perbezaan nilai-nilai. Dalam konflik ini pula terdapat tindak-tanduk manusia untuk menegakkan nilainya..." Bersetujukah anda dengan pendapat ini?

Bahagian C:

8. "Pertembungan budaya tempatan dan budaya yang dibawakan oleh penjajah menjadi latar dan malah isi kepada novel-novel awal Indonesia." Pilih sebuah novel dan bincangkan pernyataan ini.
9. Apakah sudut pandangan wanita dalam karya-karya N. H. Dini membawakan juga unsur "feminis."?
10. Estetika sesuatu bangsa akan mempengaruhi sasteranya. Dapatkah dianggap bahawa Gadis Pantai oleh Pramoedya Ananta Toer itu dipengaruhi estetika sastera Jawa/Indonesia? Sekiranya anda bersetuju, tunjukkan aspek-aspek kejawaannya.
11. Pilih seorang novelis Indonesia dan seorang novelis Malaysia dan tunjukkan persamaan dan perbezaan di antara seni penulisan mereka.